



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA DR. HAJI MOHD ZAHARI BIN ISMAIL
PENGARAH POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
MERANGKAP PENERUSI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
ZON SELANGOR
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
TAHUN 2021
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI ZON SELANGOR**

**ANJUNG BESTARI
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
26 MEI 2022**

Terima kasih Pengacara Majlis.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dan Salam Sejahtera.

Yang Berusaha Technologist Haji Mohamad Amin bin Hamat

Timbalan Ketua Pengarah (Governan)

Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Ruzi bin Hamzah

Pengarah Kolej Komuniti Selayang

Merangkap Timbalan Pengerusi Politeknik dan Kolej Komuniti
Zon Selangor

Yang Berusaha Pengarah-Pengarah Politeknik dan Kolej
Komuniti Zon Selangor

Yang diraikan penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang Tahun 2021 Politeknik & Kolej Komuniti Zon
Selangor

Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian.

PEMBUKA BICARA

1. Alhamdulillah marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya jua, dapat kita sama-sama berhimpun pada petang ini bagi meraikan pegawai-pegawai Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Selangor dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2021.
2. Terlebih dahulu setinggi - tinggi penghargaan diucapkan kepada Yang Berusaha Technologist Haji Mohamad Amin bin Hamat atas kesudian untuk hadir yang pastinya menambahkan lagi seri majlis kita pada hari ini.
3. Juga ucapan terima kasih saya ucapkan kepada Bahagian Pentadbiran Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Selangor serta seluruh jawatankuasa yang terlibat atas komitmen dalam menjayakan majlis kita pada hari ini.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

4. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) amat signifikan khususnya dalam memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada pegawai perkhidmatan awam yang telah menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang. Ini termasuk juga segala

khidmat dan bakti dalam melaksanakan tanggungjawab, baik tugas rasmi mahupun sumbangan aktif dalam kegiatan sukan, sosial dan kemasyarakatan. Saya percaya semua Ketua Jabatan telah melaksanakan pertimbangan yang adil dan saksama untuk penerima APC ini.

5. Adalah perlu difahami, penganugerahan APC ini bukan hanya semata-mata pengiktirafan kepada warga yang telah menunjukkan komitmen dan dedikasi yang tinggi terhadap tanggungjawab yang diamanahkan. Dalam erti kata lain, ianya adalah langkah ke arah membudayakan kecemerlangan secara menyeluruh dalam semua aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada stakeholders dan kumpulan sasar di setiap agensi.
6. Justeru, tanpa mengira jawatan dan tugas, tuan-puan mempunyai peranan penting dalam melaksanakan amanah yang diberikan sekali gus memastikan hala tuju dan kecemerlangan bidang Pendidikan negara.
7. Sehubungan itu, saya berharap supaya tuan-puan sentiasa mewujudkan sinergi dalam melaksanakan tugas selain komitmen yang tinggi dalam setiap tugas, agar kita mudah mencapai kecemerlangan organisasi. Juga harus diingat bahawa kecemerlangan itu tidak kekal selama-lamanya sebaliknya hendaklah sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa.

8. Sekali lagi setinggi – tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021. Institusi berbangga mempunyai pegawai seperti tuan-puan dalam mencapai organisasi yang cemerlang. Semoga usaha kita untuk memartabakan perkhidmatan awam khususnya dalam sektor pendidikan tigggi tercapai dengan jayanya.
9. Akhir kata, setinggi – tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan untuk menjayakan majlis pada hari ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.